

## Ulasan Buku/*Book Review*

*Growth and Spatial Equity in West Malaysia* oleh Ludwig H. Schatzl (editor). Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1988. 241 hlm.

Perdebatan mengenai kesan pertumbuhan ekonomi terhadap struktur ruwang ekonomi (spatial economic structure) masih berterusan. Perbezaan pendapat timbul kerana perbezaan ideologi yang menggarisi pendekatan dasar yang diambilguna. Walaupun kedua-dua aliran pemikiran, iaitu Neo-klasik dan kebergantungan (dependency), bersetuju dengan pelaksanaan strategi desentralisasi sebagai alat penting untuk membaiki jurang ketaksamaan wilayah, mereka bertelingkah tentang apakah pendekatan dasar yang sesuai untuk dipilih. Sementara model Neo-klasik mengandaikan proses desentralisasi patut dilakukan dengan mengintegrasikan sesebuah ekonomi atau wilayah dengan ekonomi dunia (wilayah lain), model kebergantungan percaya proses tersebut hendaklah dilakukan dengan mengurangkan integrasi atau mengasingkan ekonomi wilayah tersebut dengan wilayah lain.

Dalam konteks perdebatan di atas dan berpandukan kepada pemikiran Neo-klasik buku ini cuba memberi jawapan kepada dua persoalan utama. Pertama, adakah proses integrasi Negara Sedang Membangun (NSM) dengan sistem ekonomi dunia membaiki atau memburukkan jurang pembangunannya dengan Negara Maju (NM)? Kedua, apakah kesan integrasi tersebut terhadap struktur ruwang ekonomi di NSM? Secara ringkas jawapan umum yang dikemukakan adalah seperti berikut. NSM seperti yang diwakili oleh Semenanjung Malaysia dalam kes ini berjaya mengurangkan jurang pembangunannya dengan NM. Di samping itu terdapat tanda-tanda menunjukkan berlakunya pengurangan dalam proses penumpuan ruwang. Ini menggambarkan ketaksamaan wilayah di Semenanjung Malaysia adalah semakin berkurangan dan lebih baik berbanding dengan NSM yang lain. Keadaan ini dicapai melalui sistem ekonomi yang terbuka dan berintegrasi dengan sistem pasaran dunia.

Buku ini mengemukakan dapatan kajian beberapa penyelidik daripada jabatan Ekonomi Geografi Universiti Hanover ini ter-

bahagi kepada lima bab. Bab pertama membincangkan konsep pembalikan polarisasi dan membuat sorotan terhadap beberapa kajian empirik mengenainya. Kesimpulannya penulis berpendapat beberapa NSM telah mengalami proses desentralisasi ruwang. Ini bermakna proses pembalikan polarisasi boleh berlaku.

Bab dua meninjau sepintas lalu pembangunan sosio-ekonomi di Malaysia sejak zaman penjajah hingga kini dengan tumpuan khusus terhadap dasar desentralisasi perindustrian. Penulis bab ini mendapati Malaysia telah berjaya mengurangkan jurang pembangunannya dengan NM di samping berupaya mempelbagaikan asas ekonominya. Perbezaan pendapatan antara etnik dan wilayah telah berjaya dikurangkan melalui dasar ekonomi yang liberal. Pendapat pengarang mengenai faktor yang menolong membaiki jurang perbezaan pendapatan ini kurang tepat. Dalam tahun tujuh puluhan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru melibatkan campur tangan kerajaan yang meluas dan dasar ekonomi negara tidaklah begitu liberal berbanding dengan tahun 1980-an. Keadaan dan darjah ketaksamaan ruwang di Semenanjung Malaysia dibincangkan dalam bab tiga. Ujian ke atas darjah ketaksamaan tersebut dilakukan dengan menggunakan dua kaedah iaitu Peraturan Saiz Pangkat (Rank-Size Rule) dan Analisis Faktor. Rumusan yang dibuat ialah struktur ruwang di Semenanjung Malaysia yang diwarisi dari penjajah masih kekal di mana aktiviti sosio-ekonomi masih bertumpu di bandar-bandar utama di pantai barat seperti Kuala Lumpur, Ipoh, Georgetown dan Johor Baharu. Walaupun demikian darjah penumpuannya telah berkurangan. Ini menunjukkan proses pembalikan polarisasi telah berlaku akibat faktor keburukan agglomerasi.

Bab empat menganalisis corak pembangunan perindustrian dan kaitannya dengan proses pembezaan ruwang. Ujian juga dilakukan secara empirik untuk melihat sama ada pembezaan ruwang dalam proses pembangunan perindustrian di Semenanjung Malaysia se-cocok dengan hipotesis pembalikan polarisasi yang dikemukakan oleh Richardson. Berdasarkan analisis tersebut pengarang mendapati beberapa pusat kecil perindustrian telah mengalami pertumbuhan melebihi pertumbuhan purata dan corak pertumbuhan ini adalah selaras dengan hipotesis pembalikan polarisasi. Faktor utama yang menyumbangkan kepada proses tersebut ialah faktor faedah perletakan seperti kewujudan buruh dengan upah rendah dan infrastruktur pelaburan dan bukan disebabkan oleh faktor keburukan agglomerasi di wilayah pusat (Lembah Kelang). Pene-

muan ini bukan saja berlawanan dengan hipotesis Richardson tetapi juga tidak konsisten dengan rumusan bab tiga.

Bab akhir membincangkan faktor-faktor yang mengekang pembangunan ekonomi di wilayah mundur (Kelantan) dan dasar-dasar wilayah yang sesuai untuk memesatkan pembangunan di wilayah berkenaan. Faktor penempatan, skop dan intensiti rantaian ruang dianalisis berdasarkan kajiselidik yang dilakukan ke atas 72 buah firma. Sekurang-kurangnya dua penemuan penting telah dikemukakan. Pertama, Kelantan tidak memiliki faedah faktor penempatan yang positif kerana kekurangan infrastruktur, kekurangan rantaian antara wilayah, permintaan wilayah yang kecil dan pasaran yang terhad. Sungguhpun Kelantan mempunyai buruh dan bahan mentah yang mencukupi ketidakbolehpercayaan penawaran faktor-faktor tersebut telah mengimbangi kelebihan tersebut. Kedua, dasar-dasar wilayah yang sedia ada adalah tidak mencukupi untuk memperbaiki kelemahan struktur ruang. Oleh itu penulis mencadangkan pendekatan integrasi (pemikiran Neo-Klasik) dan bukan pendekatan pengasingan (pemikiran kebergantungan) sebagai asas pemilihan dasar. Di antara strategi yang dicadangkan termasuk meningkatkan rantaian antara wilayah, kemudahan pengangkutan dan komunikasi dan penubuhan estet perindustrian di beberapa bandar terpilih. Cadangan-cadangan yang dikemukakan dalam bab lima ini agak munasabah tetapi kelemahan yang menonjol dalam bab ini ialah tiadanya maklumat lengkap tentang ciri-ciri utama firma yang dikaji. Misalnya apakah jenis keluarannya, saiz firma dan teknologi yang digunakan. Maklumat ini penting kerana perbezaan ciri-ciri ini mempunyai implikasi yang berlainan kepada faktor penempatan dan cadangan dasar.

Selain kelemahan-kelemahan khusus seperti yang telah dinyatakan di atas terdapat juga kelemahan-kelemahan umum. Pertama, kurangnya sintesis idea di antara bab-bab yang ditulis. Kedua, penemuan yang dikemukakan adalah tentatif dan tidak muktamad. Jika analisis dilanjutkan tempoh masanya misalnya sehingga pertengahan tahun 1980-an di mana pertumbuhan ekonomi Malaysia merosot penemuan yang berbeza mungkin didapati. Ketiga, konsep wilayah yang digunakan adalah tidak jelas.

Walaupun demikian penerbitan buku ini merupakan satu sumbangan yang penting dalam usaha memahami teori dan isu-isu yang berkaitan dalam pelaksanaan strategi pembangunan wilayah di NSM amnya dan Malaysia khususnya. Pembuat dasar, penyelidik

dan pelajar-pelajar dalam bidang ini akan mendapati kupasan teori dan persembahan hasil ujian empirik yang dilakukan adalah menarik dan amat mudah difahami. Oleh itu sumbangan buku ini tidak boleh diperkecilkan sungguhpun analisisnya mungkin tidak memuaskan sepenuhnya kehendak pakar dalam bidang ini.

Mohd Yusof Kasim  
Fakulti Ekonomi  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi  
Selangor D.E.